

## **Tentang PRULink Asia Property Securities Fund (PAPSF)**

### **A. Penutupan dana sepenuhnya**

Kami akan menutup PRULink Asia Property Securities Fund (PAPSF) sepenuhnya kerana Eastspring Investments Asian Property Securities Fund (EIS-APSF) yang merupakan dana sasaran pendasar PAPSF akan digugurkan oleh Eastspring Investments Singapore (EISG), pengurus dana EIS-APSF.

Susulan penutupan PAPSF sepenuhnya, kami tidak lagi akan menerima wang pelaburan ke dalam PAPSF manakala unit pelaburan sedia ada di bawah PAPSF akan ditukar ke dana lain.

### **B. Bagaimanakah ia akan memberi impak kepada pelaburan anda?**

Susulan penutupan dana sepenuhnya, kami tidak lagi akan menerima pelaburan baharu ke dalam PAPSF mulai 16 Julai 2022. Ini bermakna, PAPSF tidak lagi tersedia sama ada dalam bentuk premium berulang mahupun keberadaan yang membolehkan pelanggan untuk memilihnya bagi tujuan penyaluran premium, penukaran dana dan pertambahan pelaburan ke dalam PAPSF.

Oleh itu, bagi pelanggan yang mempunyai unit sedia ada dalam PAPSF dan premium berulang ke dalam PAPSF, anda dikehendaki menyalurkan unit sedia ada dan premium berulang ke dalam dana lain selewat-lewatnya pada 4 Julai 2022. Sekiranya anda tidak bertindak sedemikian, kami akan melaburkan unit sedia ada dan premium berulang tersebut dalam **PRULink Asia Equity Fund (PAEF)**. Butiran yang berkenaan boleh didapati di bawah tajuk Bahagian C dokumen ini.

### **C. Apakah pilihan yang ada untuk anda?**

Anda perlu memberi kami arahan mengenai:

1. ke manakah anda mahu unit pelaburan sedia ada di bawah PAPSF ditukar kepada ("penukaran") sebelum atau pada 4 Julai 2022 dan/atau
2. ke manakah premium berulang anda akan dilaburkan ("penyaluran premium") menjelang 4 Julai 2022.

Anda boleh mendapatkan senarai dana lain dengan merujuk Jadual 3 Polisi anda. Antara dana yang disediakan, **PRULink Asia Equity Fund (PAEF)** mungkin merupakan dana yang paling sesuai sebagai dana alternatif kepada PAPSF. Seperti PAPSF, PAEF juga merupakan dana ekuiti asing yang melabur di rantau Asia Pasifik selain Jepun, dan bukan sahaja sesuai buat pelabur yang mempunyai profil risiko agresif, malah fi pengurusannya juga sama.

Maklumat penting berkenaan PAEF adalah seperti yang berikut. Sila ambil maklum berkuat kuasa mulai 16 Julai 2022, strategi pelaburan PAEF akan diperkasakan untuk menawarkan potensi prestasi dana yang lebih baik sementara langkah memperkasakan strategi ini sejajar dengan penghuraian yang terdapat dalam Jadual 3 Polisi anda.

<b>Nama Dana</b>	<b>Dana Sasaran</b>	<b>Objektif dan strategi utama berbanding PAPSF, berkuat kuasa mulai 16 Julai 2022</b>
<b>PRULink Asia Equity Fund (PAEF)</b>	50% Eastspring Investments Malaysia - Asia Pacific ex-Japan Target Return Fund (APTRF) + 50% JPMorgan Asia Growth Fund (JPMAGF) yang akan berkuat kuasa mulai 16 Julai 2022 susulan strategi pelaburan PAEF yang diperkasakan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Berupaya untuk mencakupi liputan geografi pelaburan yang serupa iaitu Asia Pasifik selain Jepun.</li><li>• Berupaya untuk memanfaatkan ufuk pelaburan yang lebih luas termasuk sekuriti dana pelaburan harta tanah (REITs) dan sekuriti berkaitan hartanah.</li><li>• Berupaya untuk mempelbagaikan risiko dari negara tertentu.</li></ul>

Anda boleh menukar unit pelaburan sedia ada kemudian menyalurkan premium berulang kepada PAEF dengan:

- Mengambil langkah berpandukan pautan yang diterima melalui SMS untuk menyempurnakan arahan, atau
- Melengkapkan borang yang diterima berserta surat bercetak

Selain itu, anda boleh menghubungi ejen perkhidmatan/wakil bank untuk menyalurkan pelaburan pilihan anda ke dana lain.

Sekiranya kami tidak menerima arahan sama ada menukar dana dan/atau menyalurkan premium berulang anda selewat-lewatnya pada 4 Julai 2022, kami akan melaksanakan perkara berikut seperti tarikh yang tersebut:

1. menukar unit pelaburan sedia ada anda di bawah PAPSF kepada PAEF berdasarkan nilai pelaburan yang dipegang dalam PAPSF setakat 15 Julai 2022 dan harga unit PAEF pada 15 Julai 2022; dan/atau

2. menggantikan pilihan pelaburan semasa anda daripada PAPSf kepada PAEF, dengan melaburkan peruntukan peratusan premium berkaitan (dimaksudkan untuk PAPSf) yang dibayar mulai 16 Julai 2022 dalam PAEF.